



PELAN  
**ANTIRASUAH**  
*Organisasi*  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA  
2021-2025





Usaha menambahbaik sistem  
pengurusan dalaman organisasi bukan  
sekadar setiap tahun di mana ianya  
disambut pada Hari Integriti Nasional  
setiap bulan November, namun ianya  
perlu dilaksanakan setiap masa dan di  
mana jua tindakan kita sebagai  
individu dalam organisasi



Tan Sri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara (KSN) &  
Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM)  
Hari Integriti Nasional  
5 November 2020

## **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA 2021-2025**

Diterbitkan Oleh:



JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
ARAS 8 & 9, BLOK D7, KOMPLEKS D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62546 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 2601  
Faks : 03-8870 2659  
Email : [pro.ros@moha.gov.my](mailto:pro.ros@moha.gov.my)  
Web : [www.ros.gov.my](http://www.ros.gov.my)  
Twitter : @JPPM\_Malaysia  
Facebook : @JPPM.Malaysia

### **HAK CIPTA TERPELIHARA**

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

### **PEREKA GRAFIK**

Nur Natasha Liana binti Azmi,  
Unit Komunikasi Korporat, JPPM

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

---

**YBRS. PUAN MASYATI BINTI ABANG IBRAHIM**  
KETUA PENGARAH  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



## **Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia dan inayahNya jua, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) 2021 – 2025 berjaya disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan walaupun dengan pelbagai cabaran dan kekangan yang ditempuhi.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak urusetia Pelan OACP JPPM 2021 – 2025 dan semua pihak yang terlibat atas usaha gigih dan kerjasama yang telah dicurahkan bagi pembangunan pelan ini yang merupakan satu garis panduan bagi memelihara integriti warga JPPM dan menambahbaik sistem pengurusan antirasuah di dalam organisasi jabatan.

Dengan terbentuknya Pelan OACP JPPM 2021 – 2025 ini, jabatan komited untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan dalam menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang bebas rasuah dan masyarakat berintegriti tinggi. Kerangka inisiatif dan strategi di dalam pelan ini terhasil dari sesi perbincangan dan bengkel yang dijalankan bersama pegawai-pegawai kanan jabatan bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan yang saksama agar keberkesanan pelan ini mampu dijayakan.

Justeru, saya menyeru kepada diri saya sendiri, warga JPPM dan semua ahli persatuan serta pertubuhan yang merupakan pelanggan JPPM agar dapat bersama menggembelng tenaga dan usaha ke arah satu suasana penyampaian fungsi JPPM yang lebih berintegriti, bertanggungjawab dan diyakini ketelusannya. Matlamat ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama dan sokongan padu oleh semua pihak. Maka, marilah sama-sama kita menekuni dan melaksanakan setiap inisiatif yang telah dirangka di dalam Pelan OACP JPPM 2021 – 2025 ini agar matlamat penggubalan dokumen ini dapat dicapai dan membawa impak maksima yang diharapkan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

**YBRS. PUAN MASYATI BINTI ABANG IBRAHIM**  
KETUA PENGARAH  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA  
23 MEI 2018 – 31 OKTOBER 2020

# RINGKASAN EKSEKUTIF

---

Menyedari tentang pentingnya integriti di kalangan penjawat awam, Pelan Antirasuah Organisasi JPPM 2021-2025 ini telah dibangunkan sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam menangani isu rasuah, governans dan isu integriti yang berlaku dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan. Pelan ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024 oleh Kementerian pada 5 November 2020. Pelan ini mengandungi inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh semua warga di dalam Jabatan.

**Bab 1** menerangkan secara ringkas latar belakang beserta fungsi dan peranan JPPM selaku Jabatan yang bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan pendaftaran pertubuhan serta persatuan-persatuan teratur mengikut undang-undang berkuat kuasa sedia ada. Seterusnya, senario rasuah dan salah laku integriti di peringkat Jabatan dijelaskan melalui statistik bermula tahun 2015 sehingga 2020 dalam **Bab 2**.

Di dalam **Bab 3**, terdapat lapan (8) inisiatif ditetapkan merangkumi empat (4) bidang keutamaan dan empat (4) strategi yang telah digariskan untuk dilaksanakan oleh jabatan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian pelan ini dijelaskan di dalam **Bab 4** manakala **Bab 5** menjelaskan keberkesanan usaha-usaha ini bergantung kepada sikap individu, kepimpinan sesebuah organisasi, sistem penyampaian, serta disiplin dan budaya yang diterapkan kepada anggota Jabatan itu sendiri.





**ISI**  
**KANDUNGAN**



# PERKARA

M/S

<b>BAB 1: PENGENALAN</b> .....	<b>10-17</b>
1.1 Latar Belakang dan Fungsi JPPM	
1.2 Keperluan Merangka Pelan Antirasuah Organisasi JPPM 2021-2025	
<b>BAB 2: ANALISIS PERSEKITARAN</b> .....	<b>18-25</b>
2.1 Senario Rasuah dan Salah Laku Integriti	
<b>BAB 3: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH</b> .....	<b>26-35</b>
3.1 Bidang Keutamaan dan Inisiatif Pelan Antirasuah Organisasi JPPM 2021-2025	
<b>BAB 4: TADBIR URUS JABATAN</b> .....	<b>36-41</b>
4.1 Mekanisma Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian Pelan Antirasuah Organisasi JPPM 2021-2025	
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b> .....	<b>42-45</b>

# BAB 1

## ▶ PENGENALAN





- ▶ **1.1** LATAR BELAKANG DAN **FUNGSI JPPM**
- ▶ **1.2** KEPERLUAN MERANGKA **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JPPM 2021-2025**



## MATLAMAT PENUBUHAN JPPM



Memastikan pertubuhan berdaftar bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966, Undang-undang Tubuh pertubuhan dan Dasar-Dasar negara

**OBJEKTIF**



Peneraju Pembangunan Masyarakat Sipil

**VISI**



Memperkasakan Pertubuhan Ke Arah Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat

**MISI**

## 1.1

# LATAR BELAKANG DAN FUNGSI JPPM

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang mengendalikan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik.

Matlamat jabatan ini ialah untuk menentukan pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan yang sihat serta teratur dan tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam atau akhlak.

Fungsi utama jabatan adalah untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 dan dasar-dasar mengenai pertubuhan; mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak rakyat negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar.

## FUNGSI TERAS JPPM

**A**

### **Pengurusan Pertubuhan**

Memastikan pengurusan pendaftaran pertubuhan serta persatuan adalah teratur mengikut undang-undang sedia ada yang sedang berkuatkuasa. Fungsi ini merangkumi mendaftarkan pertubuhan baru mahupun membatalkan pertubuhan sedia ada.

**B**

### **Penguatkuasaan**

Memantau dan memastikan setiap pertubuhan yang berdaftar menjalankan aktiviti-aktiviti mengikut undang-undang berdaftar pertubuhan dan peruntukan-peruntukan di dalam akta pertubuhan 1966.

### AKREDITASI (*ACCREDITATION*)

Proses penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan dasar / peraturan

### TINDAKAN (*ACTION*)

Pelaksanaan sama ada melalui penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan

### PERSEPAKATAN (*ALLIANCE*)

Kerjasama dan koordinasi antara semua pihak (dalaman dan luaran)

### JANGKAAN (*ANTICIPATION*)

Diagnosis awal melalui *Corrupton Risk Assessment (CRA)*

### ADVOKASI (*ADVOCACY*)

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah

## **GARIS PANDUAN ASAS BAGI MEMBINA KERANGKA PELAN ANTIRASUAH**

## 1.2

### KEPERLUAN MERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JPPM 2021-2025

1.2.1

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan satu dokumen antirasuah di peringkat jabatan/agensi bagi menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam JPPM. Pembangunan OACP JPPM adalah selaras dengan Inisiatif 2.1.5. Pelan Antirasuah Nasional di bawah Strategi 2: Memperkuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan iaitu 'mewajibkan sektor awam untuk membangunkan **Pelan Antirasuah Nasional**'.

1.2.2

Sebagai peneraju utama memastikan pertubuhan berdaftar bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966, Undang-undang Tubuh pertubuhan dan Dasar-Dasar Negara, JPPM sering berhadapan dengan orang awam dan campurtangan anggota pentadbiran atau orang berkepentingan dalam proses membuat keputusan. Kelemahan tadbir urus dan integriti akan menyebabkan objektif sesuatu program khususnya yang melibatkan aktiviti teras tidak dapat dicapai dan seterusnya tidak dapat memanfaatkan kumpulan sasar.

1.2.3

Sekiranya berlaku penyelewengan atau salah guna kuasa dalam penyampaian perkhidmatan ianya memberi kesan terhadap imej Jabatan. Begitu juga sekiranya berlaku ketirisan melibatkan perolehan, mutu perkhidmatan serta bekalan yang diperolehi tidak berkualiti dan setimpal dengan bayaran yang telah dibelanjakan. Ketidaktelusan dalam pengendalian wang Kerajaan juga akan menimbulkan pelbagai spekulasi dan tohmahan yang memberikan imej dan persepsi negatif kepada perkhidmatan kerajaan.

1.2.4

Kelemahan dalam tadbir urus serta proses perolehan sedikit sebanyak akan mendatangkan kerugian kepada rakyat serta mengurangkan kepercayaan orang awam kepada Kerajaan. Sekiranya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa tidak ditangani, program dan aktiviti yang dirancang di bawah dasar dan pelan tindakan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pelan ini juga merupakan satu dokumen yang menunjukkan komitmen pengurusan tertinggi Jabatan dalam usaha pencegahan rasuah dan menyokong hasrat kerajaan untuk membebaskan perkhidmatan awam daripada amalan rasuah.

# ▶ EMPAT PUNCA UTAMA RASUAH

MANIPULASI TERHADAP  
SISTEM DAN PROSEDUR

**KEGAGALAN  
PENTADBIRAN**

KUASA BUDIBICARA,  
KUASA MUTLAK DAN  
CAMPUR TANGAN  
POLITIK

**KONFLIK  
KEPENTINGAN**

**KELEMAHAN  
KAWALAN  
DALAMAN DAN  
KETIDAKPATUHAN**


**KURANG  
KETELUSAN**





# BAB 2

## ▶ ANALISIS PERSEKITARAN





▶ 2.1 SENARIO RASUAH DAN  
**SALAH LAKU INTEGRITI**

# ▶ SENARIO DAN SALAH LAKU INTEGRITI



DATA ADUAN YANG  
DITERIMA TERHADAP JPPM

DATA KES-KES  
RASUAH  
DI MALAYSIA



DATA KES-KES  
RASUAH DI JPPM

DATA KES-KES  
TATATERTIB DI JPPM

## 2.1


# SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

2.1.1

Dalam usaha mendepani isu-isu rasuah semasa di negara kita, berdasarkan sumber Laporan Indeks Persepsi Rasuah / *Corruption Perception Index (CPI)* tahun 2019 yang telah dikeluarkan oleh *Transparency International* Malaysia telah menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga ke-51 daripada 180 buah negara dengan mata skor sebanyak 53.

2.1.2

Berdasarkan trend rasuah di Malaysia bagi tempoh enam (6) tahun iaitu dari tahun 2014 sehingga 2019, sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Sektor awam menunjukkan tahap risiko sebanyak 46.8%. Dengan mengambil kira isu-isu semasa dan senario rasuah yang berlaku di negara kita, JPPM secara serius perlu meningkatkan usaha memerangi rasuah bagi memastikan warganya penuh berintegriti dan mengutamakan kepentingan awam.



Sumber : SPRM


**JUMLAH  
TANGKAPAN  
5,186**

Daripada jumlah tangkapan dibuat, seramai **2,428** atau **46.8%** adalah **penjawat awam**

Seramai **2,740** individu ditahan berumur **40 tahun** ke bawah

2.1.3

Berdasarkan data rasuah yang melibatkan Jabatan dalam tempoh enam (6) tahun iaitu dari tahun 2015 sehingga 2020 (Oktober) daripada 12 maklumat yang diterima dari data CRIS oleh SPRM, tiada kertas siasatan yang dibuka. Manakala statistik maklumat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia mengikut pecahan kesalahan adalah kesalahan tuntutan palsu dan menerima rasuah.




Sumber : SPRM



Sumber : SPRM

2.1.4

Berdasarkan kepada jumlah aduan yang diterima di Jabatan dari tahun 2015 sehingga 2020, didapati aduan kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan sebanyak 14%, aduan kelewatan / tiada tindakan (11%), kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan termasuk kaunter dan telefon (6%), kepincangan pelaksanaan dasar dan kelemahan undang-undang (5%), salah guna kuasa / penyelewengan dan tindakan tidak adil masing-masing sebanyak 3%, kegagalan penguatkuasaan (2%), salah laku anggota awam (0.4%) dan pelbagai aduan (56%).




Sumber: Unit Komunikasi Korporat JPPM

2.1.5

Berikut adalah analisis data berkaitan kesalahan-kesalahan tatatertib yang melibatkan pegawai dan kakitangan di Jabatan dari tahun 2015 sehingga 2020. Berdasarkan data tersebut, kesalahan utama di Jabatan adalah tidak hadir bertugas iaitu sebanyak 2 kes, namun hanya 1 kes yang diambil tindakan tatatertib. Perincian kesalahan mengikut kes adalah seperti di Gambarajah 2.1.5 (a) dan kesalahan berdasarkan demografi pegawai seperti di Jadual 2.1.5 (b).

Gambarajah 2.1.5 (a) : Analisis Data Berkaitan Kesalahan Tatatertib JPPM dari tahun 2015-2020





Sumber:  
Unit Integriti JPPM

Jadual 2.1.5 (b): Demografi Anggota yang Melibatkan Kesalahan Tatatertib

DEMOGRAFI PEGAWAI		JUMLAH	PERATUS
JANTINA	LELAKI	2	33.3%
	PEREMPUAN	4	66.6%
UMUR	25 Tahun ke Bawah	0	-
	26 - 33 Tahun	1	16.6%
	34 - 41 Tahun	4	66.6%
	42 - 49 Tahun	1	16.6%
	50 - 60 Tahun	0	-
KUMPULAN PERKHIDMATAN	Pengurusan Tertinggi	0	-
	Pengurusan Dan Profesional	1	16.6%
	Sokongan	5	83.3%




## DEMOGRAFI PEGAWAI YANG MELIBATKAN TATATERTIB




- Sokongan
- Pengurusan dan Profesional
- Pengurusan Tertinggi

Sumber: Unit Integriti JPPM



# BAB 3

## ▶ MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH





3.1 BIDANG KEUTAMAAN  
DAN INISIATIF **PELAN**  
**ANTIRASUAH ORGANISASI**  
**JPPM 2021-2025**

## 3.1

# BIDANG KEUTAMAAN DAN INISIATIF PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JPPM 2021-2025

3.1.1 Dalam Pelan OACP JPPM 2021-2025 telah menetapkan **empat (4) bidang keutamaan** yang menjadi teras kepada usaha memerangi rasuah di dalam organisasi iaitu:

- a) Tadbir urus jabatan;
- b) Pentadbiran sektor awam;
- c) Perolehan jabatan; dan
- d) Penguatkuasaan undang-undang.

3.1.2 Daripada empat (4) bidang keutamaan ini, sebanyak **empat (4) strategi** yang telah dikenalpasti iaitu:

- a) Memperkukuhkan akauntabiliti dan integriti;
- b) Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam;
- c) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan jabatan; dan
- d) Menginstitusikan kredibiliti jabatan sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang.

3.1.3 Strategi yang digariskan ini menjurus kepada **lima (5) objektif** strategik yang merangkumi **lapan (8) inisiatif** yang akan dilaksanakan oleh jabatan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan OACP ini akan memacu jabatan ke arah peningkatan ketelusan, penghapusan penyalahgunaan kuasa, pengkekangan campur tangan politik dan mengatasi kelemahan tadbir urus agar integriti jabatan dapat diperbaiki dan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan lebih berkualiti.



## Visi



Melahirkan Warga  
Jabatan Yang Bebas Rasuah  
Dan Berintegriti Tinggi

## Misi



Memperkukuhkan  
governans, antirasuah  
dan integriti warga JPPM  
melalui pematuhan terhadap  
akta, peraturan dan arahan  
yang berkuatkuasa

## Matlamat



Meningkatkan  
akauntabiliti dan kredibiliti  
dalam penyampaian  
perkhidmatan  
di JPPM



Tadbir urus jabatan  
Perolehan jabatan  
Pentadbiran sektor awam  
Penguatkuasaan  
undang-undang

## Aspirasi



JPPM dikenali  
sebagai jabatan  
bebas rasuah

## BIDANG KEUTAMAAN DAN INISIATIF PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JPPM 2021-2025

### 4 BIDANG KEUTAMAAN



- Tadbir Urus Jabatan
- Pentadbiran Sektor Awam
- Perolehan Jabatan
- Penguatkuasaan Undang-undang

### 4 STRATEGI



- Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti
- Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Awam
- Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Jabatan
- Menginstitusikan Kredibiliti Jabatan Sebagai Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

### 5 OBJEKTIF STRATEGIK



- Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kerajaan
- Merekayasa Perkhidmatan Awam ke arah
- Tadbir Urus yang baik
- Meningkatkan Ketelusan Perolehan Jabatan
- Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Penguatkuasaan Undang-undang
- Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi dalam Penguatkuasaan Undang-undang



## INISIATIF PELAN OACP JPPM 2021-2025

2

INISIATIF

JANGKA PENDEK

Tempoh  
Perlaksanaan:  
1 Tahun

3

INISIATIF

JANGKA SEDERHANA

Tempoh  
Perlaksanaan:  
2-3 Tahun

3

JANGKA PANJANG

Tempoh  
Perlaksanaan:  
4 Tahun

**BIDANG  
KEUTAMAAN 1:  
TADBIR  
URUS JABATAN**

**STRATEGI 1  
MEMPERKUKUHKAN  
AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.1  
MEMASTIKAN KETELUSAN DAN  
AKAUNTABILITI DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN**

<b>BIDANG KEUTAMAAN 1</b>	<b>TADBIR URUS JABATAN</b>
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Memastikan ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kerajaan

<b>NO</b>	<b>INISIATIF</b>	<b>UNIT / SEKSYEN / BAHAGIAN PENERAJU</b>	<b>TEMPOH MASA PELAKSANAAN</b>
1.1.1	Menguatkuasakan Dasar / Polisi Penerimaan Hadiah bagi memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan mengelakkan persepsi negatif terhadap kredibiliti dan integriti warga JPPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit Integriti</li> <li>• Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan</li> </ul>	1 tahun
1.1.2	Memperkukuhkan mekanisme di dalam menguatkuasakan pusingan kerja secara mandatori kepada warga JPPM bagi mengelakkan berlakunya salah laku	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit Sumber Manusia</li> <li>• Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan</li> </ul>	2 tahun

**BIDANG  
KEUTAMAAN 2:  
PENTADBIRAN  
SEKTOR AWAM**

**STRATEGI 2**  
MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.1**  
MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE  
ARAH TADBIR URUS YANG BAIK

BIDANG KEUTAMAAN 2	TADBIR URUS JABATAN
STRATEGI 2	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Merekayasa Perkhidmatan Awam ke arah Tadbir Urus yang baik

NO	INISIATIF	UNIT / SEKSYEN / BAHAGIAN PENERAJU	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.1.1	Melaksanakan kajian berkaitan dengan perjawatan dan kesesuaian kapasiti kerja di JPPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit Integriti</li> <li>• Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan</li> </ul>	4 tahun



**BIDANG  
KEUTAMAAN 3:  
PEROLEHAN  
JABATAN**

**STRATEGI 3**

MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN  
DAN KETELUSAN PEROLEHAN JABATAN

**OBJEKTIF STRATEGIK 3.1**

MENINGKATKAN KETELUSAN  
PEROLEHAN JABATAN

<b>BIDANG KEUTAMAAN 3</b>	<b>TADBIR URUS JABATAN</b>
<b>STRATEGI 3</b>	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Jabatan
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 3.1</b>	Meningkatkan Ketelusan Perolehan Jabatan

<b>NO</b>	<b>INISIATIF</b>	<b>UNIT / SEKSYEN / BAHAGIAN PENERAJU</b>	<b>TEMPOH MASA PELAKSANAAN</b>
3.1.1	Memperkukuhkan garis panduan pemilihan / penerimaan perolehan yang lebih terperinci dan sesuai dengan keperluan JPPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Integriti</li> <li>Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan</li> </ul>	2 tahun
3.1.2	Memperkukuhkan dan menambahbaik proses kerja berkaitan kewangan secara berterusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seksyen Kewangan</li> <li>Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan</li> </ul>	4 tahun

**BIDANG  
KEUTAMAAN 4:  
PENGUATKUASAAN  
UNDANG-UNDANG**

**STRATEGI 4**  
MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI  
JABATAN SEBAGAI AGENSI  
PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

**OBJEKTIF STRATEGIK 4.1**  
MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN  
PENGAMALAN PROFESIONALISME  
DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

<b>BIDANG KEUTAMAAN 4</b>	<b>TADBIR URUS JABATAN</b>
<b>STRATEGI 4</b>	Menginstitusikan Kredibiliti Jabatan sebagai Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 4.1</b>	Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Penguatkuasaan Undang-Undang

<b>NO</b>	<b>INISIATIF</b>	<b>UNIT / SEKSYEN / BAHAGIAN PENERAJU</b>	<b>TEMPOH MASA PELAKSANAAN</b>
4.1.1	Memperkemaskan mekanisma pemantauan ke atas persatuan berdaftar terhadap pematuhan kepada Akta Pertubuhan 1966	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahagian Pengurusan Pertubuhan</li> <li>Bahagian Penguatkuasaan</li> </ul>	3 tahun
4.1.2	Menyemak semula dan menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada berkaitan proses pendaftaran, pindaan undang-undang tubuh dan pembaharuan setiausaha.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahagian Pengurusan Pertubuhan</li> <li>Bahagian Penguatkuasaan</li> </ul>	4 tahun



# BAB 4

## ▶ TADBIR URUS JABATAN





▶ 4.1 MEKANISMA PELAKSANAAN,  
PEMANTAUAN DAN  
PENILAIAN **PELAN**  
**ANTIRASUAH ORGANISASI**  
**JPPM 2021-2025**

## 4.1

# MEKANISMA PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JPPM 2021-2025

4.1.1

Penilaian dalam pelaksanaan Pelan OACP JPPM 2021-2025 adalah penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan yang dilakukan oleh setiap bahagian dan unit yang bertanggungjawab di JPPM agar selaras dengan Pelan OACP yang telah dibangunkan oleh KDN. Ia juga adalah langkah yang berkesan dalam mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi bagi pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan OACP JPPM 2021-2025 ini.

## PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH JPPM

JPPM menggunakan empat (4) prinsip pengurusan antirasuah dalam menentukan hala tuju pelaksanaan Pelan OACP seperti berikut:

### 1. **Komitmen Pengurusan Tertinggi JPPM**

Pengurusan Tertinggi JPPM bertanggungjawab dalam memastikan warga JPPM:





**2. Penilaian Risiko Rasuah**

Penilaian risiko rasuah merupakan asas kepada usaha antirasuah di mana JPPM akan:

**Melaksanakan penilaian risiko rasuah apabila terdapat keperluan perubahan; dan**

**Memberi keutamaan kepada risiko rasuah dalaman dan luaran.**

**3. Pelaksanaan Inisiatif**

JPPM akan mewujudkan langkah pelaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus, proses dan prosedur pengurusan pendaftaran pertubuhan serta penguatkuasaan.

**4. Pemantauan dan Penilaian secara Sistemik**

Pemantauan dan penilaian secara sistematik dilaksanakan dengan memastikan:

Pelaksanaan inisiatif dilaporkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi;

Penilaian dibuat secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program; dan

Penyelesaian terbaik dikenalpasti dan dilaksanakan bagi setiap masalah yang dikesan.

Hasil penilaian ini boleh dijadikan asas bagi memantapkan usaha kawalan risiko antirasuah sedia ada di JPPM.

## MEKANISME PELAKSANAAN

### Urusetia: Unit Integriti KDN

Jawatankuasa Antirasuah (JAR)  
peringkat Kementerian  
dipengerusikan oleh KSU / TKSU

Ahli: Semua Ketua Jabatan / Agensi /  
Bahagian di bawah KDN

- Menerima laporan prestasi Pelan OACP mengikut suku tahun dari setiap jabatan / agensi / bahagian di KDN.
- Memperakukan isu dan laporan yang dikemukakan kepada JAR Kementerian.
- Mengesahkan dasar dan membuat keputusan.

### Urusetia: Unit Integriti JPPM

Jawatankuasa Antirasuah (JAR)  
peringkat Jabatan dipengerusikan  
oleh KP / TKP

Ahli: PUU dan semua Pengarah  
Negeri / Bahagian

- Memastikan inisiatif dalam Pelan OACP JPPM dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan.
- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara suku tahun kepada Unit Integriti KDN.



# ▶ PEMANTAUAN OLEH PENERAJU/PELAKSANA INISIATIF

Peneraju / pelaksana inisiatif perlu melaksanakan pemantauan dengan cara:

- Membincangkan kekangan dan cabaran dalam pelaksanaan inisiatif di dalam Mesyuarat Pengurusan Negeri / Bahagian / Unit; dan
- Menyediakan pelaporan kepada urusetia (Unit Integriti JPPM) pada setiap suku tahun.



## MEKANISMA PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN



# BAB 5

## ► KESIMPULAN





## KESIMPULAN

Pembangunan Pelan OACP JPPM 2021-2025 merupakan komitmen jabatan dalam menyokong dasar antirasuah yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Intipati pelan ini mengandungi tindakan yang perlu dilaksanakan sebagai menyahut dasar Kerajaan dalam usaha memerangi rasuah khususnya di sektor perkhidmatan awam.

Justeru, Pelan OACP JPPM 2021-2025 dibangunkan untuk tempoh lima (5) tahun akan datang iaitu mulai 2021 sehingga 2025. Pelan ini telah menggariskan lapan (8) inisiatif yang akan dilaksanakan sebagai mekanisme bagi pemantapan governans, antirasuah dan integriti jabatan. Pemantauan secara berkala ke atas inisiatif yang telah ditetapkan akan dilakukan selaras dengan perubahan semasa dan mengambilkira maklumbalas serta panduan dari pelbagai pihak agar inisiatif-inisiatif tersebut sentiasa relevan dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

Besarliah harapan Pengurusan Tertinggi JPPM agar Pelan OACP JPPM 2021-2025 ini menjadi panduan dan rujukan seluruh warga jabatan dalam usaha menjadikan JPPM sebagai agensi sifar kes rasuah dan salah laku integriti selaras dengan aspirasi jabatan iaitu **“JPPM DIKENALI SEBAGAI JABATAN BEBAS RASUAH”**.





▶ **PENGHARGAAN**



Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam pembangunan Pelan OACP JPPM 2021-2025.

---

**YBrs. Puan Masyati binti Abang Ibrahim**

Ketua Pengarah

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

**YBrs. Encik Wan Zainul Azam bin Khamid @ Abdul Majid**

Timbalan Ketua Pengarah

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

**Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)**

Jabatan Perdana Menteri

**Penerbit Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023**

**Institut Integriti Malaysia (IIM)**

Pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) yang telah meluangkan masa dan menyumbangkan input:

Penasihat Undang-undang

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Bahagian Pengurusan Pertubuhan

Bahagian Penguatkuasaan

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

JPPM WP Kuala Lumpur

JPPM Negeri Selangor

JPPM Negeri Johor

JPPM Negeri Pahang

JPPM Negeri Perak

JPPM Negeri Pulau Pinang

JPPM Negeri Kedah

JPPM Negeri Kelantan

JPPM Negeri Terengganu

JPPM Negeri Sarawak

JPPM Negeri Sabah

JPPM Negeri Perlis

JPPM Negeri Sembilan

JPPM Negeri Melaka

Tenaga Pakar dari Kementerian Dalam Negeri

Puan Sharina binti Shamsir Khan

Ketua Penolong Setiausaha

Bahagian Pembangunan



## **PASUKAN PENYUNTING**

### **Encik Aris bin Abdul Rahman**

Pengarah  
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

### **Encik Md Azwari bin Ma'arof**

Penolong Pengarah  
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

### **Puan Normal Aznita binti Jamaludin**

Penolong Pengarah  
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

### **Cik Nur Amirah binti Zaini**

Pegawai Tadbir  
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

### **Cik Khairunnisa binti Fahro Rozi**

Pegawai Tadbir  
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

### **Puan Nur Natasha Liana binti Azmi**

Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

### **Encik Roslan bin Alang Raus**

Ketua Pembantu Tadbir  
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan



JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA  
Aras 8 & 9, Blok D7, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 Putrajaya  
Tel: 03 8870 2601 | Faks: 03 8870 2659  
Laman web: [www.ros.gov.my](http://www.ros.gov.my)